

## **AKHLAK PEMIMPIN DALAM *HIKAYAT ISKANDAR ZULKARNAIN*: SATU ANALISIS PENDEKATAN ADAB**

NOR ASMA AB AZIZ  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*missasmaaziz@gmail.com*

MUHD NORIZAM JAMIAN  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*norizam@ukm.my*

### **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan mengenai akhlak pemimpin dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Pemimpin yang difokuskan dalam kajian ini adalah Iskandar Zulkarnain yang merupakan seorang penakluk yang hebat. Nama Iskandar Zulkarnain yang disebut dalam al-Quran dan sejarah Islam adalah sama dengan *Alexander the Great* di Barat. Perbezaan nama itu timbul kerana Raja Iskandar Zulkarnain menguasai empayar yang luas melangkaui dari benua Eropah sampai ke Timur Jauh. Beliau memerintah dua kerajaan dunia iaitu Timur dan Barat. Perbincangan ini melihat keperibadian akhlak yang dimiliki oleh Raja Iskandar Zulkarnain bagi melahirkan insan yang dikenali sebagai insan adabi. Data kajian ini adalah teks *Hikayat Iskandar Zulkarnain* yang diselenggarakan Khalid M. Hussain (2013). Kajian ini mengaplikasikan pendekatan adab berasaskan model kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001). Syed Muhammad Naquib Al-Attas menggariskan bahawa antara prinsip adab yang harus ada dalam diri seseorang bagi melahirkan seorang insan adabi ialah amal ihsan. Amal ihsan ialah perbuatan yang saling berhubung dengan prinsip ilmu, kebijaksanaan dan keadilan yang berlaku dalam kehidupan manusia. Apabila prinsip tersebut diamalkan, akan terlahirlah insan yang memiliki akhlak yang mulia serta budi pekerti yang baik seperti yang digambarkan melalui watak Raja Iskandar Zulkarnain. Hal ini menunjukkan bahawa adab, akhlak dan budi saling berkaitan dalam membentuk insan adabi. Selain itu, *Hikayat Iskandar Zulkarnain* turut menjadi panduan kepada khalayak dalam menjalin hubungan dengan Allah (*hablumminallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*) yang menjelaskan status peranan bagi setiap manusia di dunia sebagai khalifah Allah serta sebagai hamba-Nya. Berdasarkan kepada pendekatan adab, Raja Iskandar Zulkarnain memenuhi kriteria seorang pemimpin yang berakhlak tinggi. Akhlak yang dimiliki Raja Iskandar Zulkarnain melayakkan beliau digelar sebagai insan adabi kerana menepati prinsip-prinsip pendekatan adab yang digariskan.

**Kata kunci:** akhlak pemimpin; amal ihsan; *hablumminallah*; *hablumminannas*; *Hikayat Iskandar Zulkarnain*; pendekatan adab.

## ADAB AND MORAL OF LEADERSHIP IN *HIKAYAT ISKANDAR ZULKARNAIN*

### ABSTRACT

This study discusses the character of the leaders in the *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Iskandar Zulkarnain name is mentioned in the Quran and Islamic history is the same as *Alexander the Great* in the West. The difference arises because the name was Raja Iskandar Zulkarnain vast empire beyond the control of the European continent to the Far East. He ruled the two kingdoms of East and West. This discussion will look at the personality owned by Raja Iskandar Zulkarnain to formation of the man of *adab*. Data of this study was to use text *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, who was transliterated by Khalid M. Hussain (2013). This study applies a model-based approach of *adab* by Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001). Syed Muhammad Naquib Al-Attas had outlined four principles that should be part of the the formation of a man with *adab (insan adabi)*. These four main principles would be the principles of knowledge, wisdom, justice and virtuous deeds. When all four principles came into being human would have a noble and good manners as depicted by the character Raja Iskandar Zulkarnain. This indicates that the morals and strong character are intertwined in shaping a great leader. *Hikayat Iskandar Zulkarnain* is can also be a guide for the public in a showing a good example of a relationship with God (*hablumminallah*) and human relations (*hablumminannas*). Based on this approach, the leadership qualities of Raja Iskandar Zulkarnain really can be explicate further. Morals that were owned by Raja Iskandar Zulkarnain had earned him the man of *adab* as the character revealed the ways in which how human wisdom could be great especially in pursuit of justice, virtues and good deeds for the betterment of humankind.

**Keywords:** moral leadership; virtuous deeds; *hablumminallah*; *hablumminannas*; *Hikayat Iskandar Zulkarnain*; *adab* approach.

### PENGENALAN

Sastera dalam Islam dikenali sebagai *al-adabi* iaitu sastera yang datang daripada jiwa yang halus dan bertujuan mendidik serta mengasuh hati nurani khalayak dengan nilai-nilai murni (Shafie, 1996: 118-151). Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1977), pemimpin yang beradab harus meletakkan diri sebagai hamba yang patuh dengan perintah-Nya dan sebagai khalifah yang dilantik untuk memberi kemakmuran di seluruh alam. *Hikayat Iskandar Zulkarnain* tergolong dalam sfera faedah yang menjadikan unsur nasihat dan didikan sebagai tema utama dalam karya sastera. Dalam konteks ini, aspek nasihat dan didikan yang ditekankan ialah akhlak di kalangan pemimpin. Kemuliaan seorang pemimpin bukan hanya bergantung kepada ilmu yang tinggi tetapi juga kemurnian akhlak yang dimilikinya. Raja Iskandar Zulkarnain dikenali sebagai raja dan penakluk yang tiada tolok bandingnya dan merupakan seorang pemimpin yang dikagumi kerana berjaya menakluki negara-negara lain. Raja Iskandar dikurniakan oleh Allah SWT keperibadian akhlak yang baik dan adil dalam memimpin kerajaan dan tidak sukakan peperangan. Malah, Raja Iskandar bersama-sama dengan Nabi Khidir telah pergi ke negara-negara lain untuk menyebarkan ajaran Islam dan memerangi kekufuran.

Akhlak ataupun budi pekerti memegang peranan penting dalam kehidupan manusia. Menurut al-Ghazali (1983) watak manusia pada dasarnya ada dalam keadaan seimbang dan yang

memburukkannya itu adalah lingkungan dan pendidikan. Kebaikan dan keburukan itu tercantum dalam syariaah dan pengetahuan akhlak. Akhlak yang baik berperanan dalam mengangkat martabat manusia ke darjat yang tinggi dan mulia. Akhlak yang buruk akan membinasakan seseorang insan dan juga akan membinasakan umat manusia. Pemimpin yang memiliki akhlak yang mulia turut diceritakan dalam hikayat ini. Malah, turut berfungsi sebagai wadah pengajaran yang membentuk moral dan adab kepimpinan melalui akhlak mulia yang ditunjukkan melalui watak Raja Iskandar Zulkarnain. Menurut Syed Muhammad Naquib, sastera berperanan sebagai penanam adab bagi melahirkan insan terpuji yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Sehubungan itu, kajian ini akan merungkaikan bagaimana akhlak seorang pemimpin yang ditampilkan dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* menjadi wadah pembentukan peradaban manusia menurut prinsip amal ihsan. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada akhlak pemimpin dalam membentuk insan beradab dengan mengaplikasikan pendekatan adab daripada kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001).

### SKOP KAJIAN

Kajian dilakukan terhadap teks *Hikayat Iskandar Zulkarnain* selenggaraan Khalid M. Hussain (2013). Kajian yang dilakukan berteraskan kepada pendekatan adab dari segi pembentukan amal ihsan. Amal ihsan merupakan kemuncak kesempurnaan ibadah dan kemuliaan akhlak yang menjadi sasaran setiap hamba Allah SWT untuk memperoleh keberkatan-Nya. Malah, kajian ini juga akan melihat sudut akhlak seorang pemimpin. Pembentukan akhlak pemimpin berasaskan ajaran Islam akan melahirkan kualiti pemimpin yang lebih beretika dan berakhlak tinggi. Seterusnya, prinsip amal ihsan dalam pendekatan adab yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001) digunakan kerana bersesuaian dengan ciri-ciri pemimpin yang memiliki akhlak yang baik dan melahirkan seorang pemerintah yang adil serta beradab yang perlu ada pada setiap raja dan pemerintah.

*Hikayat Iskandar Zulkarnain* merupakan sebuah epik Melayu yang telah disadur daripada kesusasteraan Arab-Parsi. Sebagaimana epik lain yang berasal dari Timur Tengah seperti *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiyah*, *Hikayat Iskandar Zulkarnain* juga amat popular di alam Melayu. Sebanyak 17 naskhah teks epik ini telah ditemui dan tersimpan di pelbagai tempat di seluruh dunia seperti di Kuala Lumpur, Jakarta, Leiden, Berlin, Paris, London dan Cambridge (Rogayah & Mariyam, 2004). Populariti hikayat ini dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam Nusantara adalah kerana nama dan kisahnya dikaitkan dengan kisah Zulkarnain dalam al-Quran, iaitu ayat 83 hingga 99 surah al-Kahfi. Selain itu, nama Iskandar Zulkarnain juga sering dihubungkan dengan asal usul raja-raja di alam Melayu seperti yang digambarkan dalam *Sejarah Melayu*, *Misa Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Acheh* dan *Tuhfat al-Nafis*. Peribadi Iskandar Zulkarnain sebagai seorang raja yang adil dan beriman turut dijadikan contoh dalam *Bustan al-Salatin* dan *Taj al-Salatin*.

*Hikayat Iskandar Zulkarnain* merupakan sebuah epik Islam yang mengangkat watak utamanya, Raja Iskandar sebagai seorang wira dan diberi imej seorang raja yang adil, gagah dan berani. Permulaan hikayat ini mengisahkan asal usul dan kelahiran Raja Iskandar, anak Raja Darab Rumi dari Parsi. Dia dilukiskan mempunyai sifat fizikal yang amat sempurna dan berwajah seperti bulan purnama. Dia juga seorang yang bijaksana dan pernah berguru dengan pendeta ulung Aristotle sewaktu kecil. Kepahlawanan Raja Iskandar terserlah apabila dia juga mahir bermain senjata khususnya memanah dan melembing, ilmu yang diwarisi daripada ayahnya. Raja Iskandar kemudiannya menaiki takhta kerajaan Rom menggantikan datuknya

yang meninggal dunia dan seterusnya menyatukan kerajaan Rom serta Parsi apabila adiknya, Raja Dara yang memerintah Parsi terkorban dalam perang saudara (Khalid, 2013).

Kejayaan menewaskan Raja Dara dan menyatukan kerajaan Rom-Parsi telah menyebabkan Raja Iskandar lupa daratan serta termakan hasutan iblis. Nabi Khidir telah diutus oleh Allah SWT untuk mengembalikan Raja Iskandar daripada kesesatan. Usaha dan nasihat Nabi Khidir akhirnya berjaya menginsafkan Raja Iskandar. Selepas itu, Raja Iskandar memeluk agama Ibrahim dan bertekad untuk menyebarkan agama Islam. Nabi Khidir kemudiannya memberikan gelaran Zulkarnain yang bermaksud “Dia yang Bertanduk Dua” sempena tempaan berbentuk tanduk daripada permata yang dipakai oleh Raja Iskandar (Khalid, 2013).

Sejak itu bermulalah kembara Raja Iskandar Zulkarnain dari timur ke barat untuk mewujudkan keadilan, menegakkan agama Allah SWT dan seterusnya menghapuskan agama kafir di muka bumi. Sepanjang penjelajahan tersebut, golongan yang ingkar akan diserang dan setiap peperangan yang dilalui oleh Raja Iskandar Zulkarnain akan beroleh kejayaan. Kemenangan yang diperoleh adalah hasil perlindungan Allah SWT dan doa Nabi Khidir yang menjadi penasihatnya (Ismail & Wahyunah, 2002). Antara wilayah yang dijelajahi oleh Raja Iskandar Zulkarnain ialah Konstantinopal, Andalus, Rumiyyar al-Akhbar, Mesir, Habsyi, China, Makkah dan Madinah. Misi Raja Iskandar Zulkarnain menyebarkan Islam juga beroleh kejayaan dengan ramainya raja yang memeluk Islam seperti Raja Hawas, Raja Ghidakah dan Raja Sandebz.

### **PENDEKATAN ADAB**

Pendekatan adab memiliki erti yang luas dan mendalam kerana pada awalnya perkataan adab membawa maksud undangan ke sebuah bankuet yang di dalamnya terkandung idea tentang hubungan sosial yang baik dan mulia. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, adab mempunyai perkaitan yang amat erat dengan ilmu (*‘ilm*), kebijaksanaan (*hikmah*), keadilan (*‘adl*) dan kebenaran (*haqq*). Oleh itu, sebagai manusia yang beradab seharusnya memiliki ilmu dan mengakui hak dan kedudukan itu dengan perbuatan (*‘amal*). Justeru, pemimpin yang beradab harus bertindak memberikan hak dan kedudukan kepada mereka yang benar berhak.

Terdapat empat prinsip utama yang terkandung dalam adab yang perlu ditanam dalam diri setiap manusia. Prinsip-prinsip tersebut berdiri sebagai suatu hierarki yang perlu dicapai tahap demi tahap oleh setiap manusia sebelum layak digelar insan adabi. Keempat-empat prinsip insan adabi ini adalah *‘ilm* (ilmu), *hikmah* (kebijaksanaan), *‘adl* (keadilan) dan amal ihsan.

Ilmu menduduki darjat yang tertinggi kerana orang yang berilmu sentiasa dimuliakan oleh Allah SWT Seseorang yang mempunyai ilmu secara tidak langsung menyerlahkan kebijaksanaan dirinya. Kebijaksanaan dalam melakukan sesuatu tindakan akan mewujudkan sifat adil dalam diri seseorang. Keadilan membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempat yang benar (Wan Mohd. Nor, 2005: 45). Sifat adil dalam diri seseorang amat penting supaya segala keputusan yang dilakukan berpaksikan kepada kebenaran dan keadilan. Prinsip ini berkait dengan prinsip ilmu dan kebijaksanaan. Secara tidak langsung, ketiga-ketiga prinsip ini akan menyerlahkan amal ihsan dalam kualiti diri seseorang.

Amal ditakrifkan sebagai perbuatan baik manakala ihsan bererti kebaikan. Amal ihsan amat penting kepada diri seseorang dalam melahirkan insan terpuji. Setiap amal harus dilakukan secara ikhlas kerana Allah akan memberikan ganjaran pahala. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2009: 9) memberi pengertian yang berkaitan dengan amal salih iaitu setiap tindakan insan yang baik bermula dengan niat, yang diamalkan dengan iltizam dan istiqamah, bersesuaian dan bertepatan, berguna serta membawa manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat. Keempat-empat prinsip tersebut dilihat saling berkait rapat. Tambahan pula, prinsip-prinsip tersebut

mempunyai satu hierarki yang perlu dicapai oleh seseorang insan melalui satu tahap kepada satu tahap yang lain secara berperingkat.

Oleh itu, pendekatan adab berdasarkan prinsip amal ihsan yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001) digunakan kerana bersesuaian dengan akhlak yang dimiliki oleh seseorang pemimpin atau pemerintah yang terdapat dalam teks *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Melalui prinsip amal ihsan yang dikemukakan, akhlak mulia yang dimiliki oleh pemimpin seperti Raja Iskandar Zulkarnain wajar diteladani kerana akhlak yang baik akan membentuk keperibadian pemerintah untuk melakukan keadilan dalam seluruh aspek kehidupan.

### ANTARA AMAL IHSAN, AKHLAK DAN BUDI

Pengertian amal menurut pandangan Islam adalah setiap amal soleh, atau setiap perbuatan kebajikan yang diredai oleh Allah SWT. Malah, amal dalam Islam tidak hanya terbatas pada ibadah sahaja tetapi juga melalui perbuatan yang dilakukan dalam kehidupan seharian. Amal adalah setiap perilaku makhluk hidup yang disertakan suatu maksud, adakah perilaku tersebut baik ataupun buruk. Ihsan dari segi bahasa bererti berbuat baik yang berasal daripada perkataan Arab iaitu *Ahsana-Yuhsinu-Ihsaanan* manakala dari segi istilah, ihsan adalah berbakti dan mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan berlandaskan kesedaran dan keikhlasan. Istilah ini membawa pengertian yang amat luas dan setiap perbuatan baik yang dilakukan oleh seseorang adalah ihsan.

Amal ihsan turut disebut sebagai amal salih iaitu amalan *ta'abbudi* yang melibatkan ibadah yang difardukan dan merangkumi segala perbuatan yang dilakukan oleh insan lain untuk mendapat keredaan Allah SWT. Konsep amal salih ini menepati makna *salaha* yang bererti baik, betul, tepat, sesuai dan tertib (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2002: 9). Seorang insan yang melakukan sesuatu berlandaskan pemikiran yang baik akan mendorong mereka untuk melakukan tindakan yang betul dan adil dalam kehidupan.


Amal ihsan berkait rapat dengan akhlak dan budi dalam kehidupan seseorang manusia. Hal ini demikian kerana amal ihsan penting untuk melahirkan seseorang insan yang memiliki sifat-sifat terpuji dalam dirinya dengan niat melakukan kebaikan kerana Allah SWT. Dalam usaha membentuk insan adabi, setiap manusia harus memiliki budi pekerti dan keperibadian akhlak yang baik. Akhlak dapat ditakrif sebagai satu sifat atau sikap keperibadian yang melahirkan perbuatan manusia dalam usaha membentuk kehidupan yang sempurna berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Tengku Intan Marlina & Salinah, 2012: 2). Akhlak menurut istilah diertikan sebagai budi pekerti, kelakuan, tabiat serta segala gerak laku perbuatan yang telah menjadi adat kebiasaan atau keadaan kejiwaan yang akan terbitnya tingkah laku dan perbuatan manusia. Ibnu Maskawayh (1966) mendefinisikan akhlak sebagai keadaan jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu.

Akhlak dari segi bahasa berasal daripada perkataan *khulq* yang bererti perilaku, perangai atau tabiat. Sementara itu, akhlak daripada sudut istilah pula bermaksud keadaan jiwa yang terpancar dari tingkah laku yang diamalkan masyarakat sebagai sebahagian daripada cara hidup dinamakan akhlak (Mustafa, 1995).

Melalui akhlak yang baik, terlahirlah masyarakat yang adil, ihsan, amanah, tawaduk, pemurah, berani, bertolak ansur, nasihat menasihati, saling membantu, menjaga kehormatan, mengawal hawa nafsu, cintakan kebaikan, berbuat baik kepada semua makhluk terutama kepada kedua ibu bapa, menyeru manusia ke arah kebaikan, *amar ma' aruf nahi munkar* serta memiliki

sifat-sifat terhormat dan budi pekerti yang luhur. Akhlak itu bukanlah terbatas kepada hal yang berkaitan dengan hubungan antara manusia sahaja, sebaliknya ia merangkumi hubungan antara manusia dan pencipta-Nya juga (Zuraidah, Zahir & Nuwairi, 2012). Tambahan pula, akhlak merupakan garis pemisah yang membezakan antara orang berakhlak dengan orang yang tidak berakhlak.

Oleh itu, orang yang berbudi mempunyai sifat-sifat yang baik (mahmudah) manakala bagi orang yang tidak berbudi memiliki sifat-sifat buruk dan tercela (mazmumah). Selain itu, ihsan turut menjadi penanda aras dalam membentuk seseorang insan yang budiman. Dalam proses pembentukan insan adabi, setiap tanda atau sifat orang yang berbudi perlulah dicontohi manakala sifat-sifat orang tidak berbudi wajib dijauhi. Sifat-sifat orang yang berbudi merupakan sebahagian daripada sifat-sifat mahmudah yang membentuk amal ihsan (Muhd Norizam, 2012: 144-145). Secara tidak langsung, sifat-sifat seperti bertanggungjawab, belas kasihan, jujur, amanah, penyayang, berani, adil serta rendah diri akan terpancar dalam diri seseorang apabila mengamalkan prinsip amal ihsan. Selain itu, amal ihsan turut melahirkan sifat-sifat mahmudah dalam melahirkan hubungan dengan Allah SWT dan hubungan antara manusia. Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2002: 22) membahagikan sifat-sifat mahmudah kepada dua iaitu yang zahir dan batin. Hal ini dapat dilihat menerusi Rajah 1 berikut:




RAJAH 1. Bentuk amal ihsan

Sifat-sifat mahmudah yang zahir merangkumi amalan-amalan yang dilakukan untuk melaksanakan perintah Ilahi seperti ibadah dan rukun Islam dan amalan-amalan yang melibatkan hubungan sesama insan yang dilakukan dalam kehidupan seharian seperti perkahwinan, perniagaan, persaudaraan, keibubapaan dan sebagainya. Sifat-sifat mahmudah yang batin pula melibatkan amalan kalbu atau hati iaitu amalan yang diasaskan untuk mengenal Allah (*ma'rifat Allah*) dan mengenal diri. Mengetahui diri merupakan permulaan kepada sifat-sifat baik dan buruk yang terdapat dalam diri dan insan tersebut harus bertanggungjawab menghalang sifat-sifat negatif yang terdapat dalam diri supaya dapat menyucikan dirinya (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2002: 22-23). Amalan diri ini membawa maksud bahawa diri akali harus mengawasi diri hayawani (*muraqabah*) untuk memastikan insan tersebut melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan kepadanya serta penelitian yang terperinci terhadap diri sendiri (*muhasabah*) penting untuk mengelakkan berlaku sebarang penyelewengan.

Tambahan pula, sifat-sifat mahmudah zahir dan batin saling berhubung kait dan saling melengkapkan antara satu sama lain (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2002: 24). Sifat yang zahir melibatkan perbuatan luaran jasmani manakala sifat yang batin melibatkan perbuatan dalaman rohani (kalbu). Oleh itu, untuk memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat, insan tersebut haruslah mencapai kedua-dua sifat mahmudah iaitu zahir dan batin dan layak digelar sebagai insan adabi. Insan yang mengamalkan sifat-sifat mahmudah, bukan hanya mendapat satu jaminan kehidupan yang tinggi di samping Allah SWT Bahkan turut dapat mengimbangi kehidupan di dunia dan akhirat.

### PERANAN AMAL IHSAN DALAM MEMBENTUK HUBUNGAN DENGAN TUHAN (*HABLUMMINALLAH*) DAN MANUSIA (*HABLUMMINANNAS*)

Amal ihsan merupakan pelengkap kepada keperibadian diri sebagai insan adabi. Malah, prinsip amal ihsan ini banyak dipaparkan di dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional khususnya dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dan dijadikan sebagai wadah untuk melahirkan insan adabi. Seseorang yang bergelar insan adabi bukan sahaja perlu mempraktikkan ilmu, kebijaksanaan serta keadilan dalam segenap aspek kehidupan tetapi juga mengamalkan sifat-sifat terpuji dalam menjalin. Rangkaian hubungan yang bersifat vertikal (antara manusia dengan Tuhan) dan horizontal (antara sesama manusia) ini menyebabkan wujudnya dua status peranan bagi setiap manusia di dunia iaitu sebagai khalifah Allah dan pada masa yang sama selaku hamba-Nya (Muhd Norizam, 2012: 16). Hubungan berbentuk vertikal dan horizontal ini perlu wujud serentak dan tidak boleh dipisahkan dalam diri setiap insan adabi. Tambahan pula, hubungan manusia dengan Allah SWT adalah prioriti atau keutamaan kita, namun harus tidak dilupakan hubungan sesama manusia kerana manusia diciptakan untuk saling memerlukan antara satu sama lain. Manusia disarankan untuk membina hubungan sesama manusia yang mana menjurus kepada ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT dalam mengharungi ujian dan dugaan di dunia ini. Hal ini diperlihatkan menerusi Rajah 2 di bawah:



RAJAH 2. Peranan insan sebagai khalifah Allah SWT dan hamba-Nya

### AMAL IHSAN DALAM *HIKAYAT ISKANDAR ZULKARNAIN*

Amal ihsan merupakan tahap tertinggi dalam prinsip pendekatan adab yang diperkenalkan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2002). Prinsip amal ihsan didefinisikan sebagai mengerjakan amal kebaikan dengan penuh khusyuk, ikhlas kerana Allah serta yakin Allah sentiasa mengawasi setiap tindakan manusia (Muhd Norizam, 2012: 18). Amal bermaksud perbuatan iaitu saling berhubung dengan prinsip ilmu, kebijaksanaan dan keadilan yang berlaku dalam kehidupan manusia. Justeru itu, semua prinsip tersebut harus dicapai sebelum seseorang itu layak digelar sebagai insan adabi. Seseorang yang mempunyai ilmu akan dapat menyerlahkan kebijaksanaan sekali gus dapat melahirkan individu yang adil dalam membuat sesuatu tindakan atau keputusan. Secara tidak langsung, apabila ketiga-tiga prinsip tersebut terdapat dalam diri seseorang, akan terlahirlah seseorang yang ikhlas dalam melakukan kebaikan yang sering dikaitkan dengan prinsip amal ihsan.

Orang baik adalah orang yang insaf sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak, yang memahami dan menyelenggarakan sifat keadilan terhadap dirinya dalam masyarakat serta terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai insan adabi. Berdasarkan prinsip pendekatan adab, “manusia yang baik” atau “manusia yang beradab” adalah manusia yang mengenal Tuhan-Nya, mengenal dan mencintai Nabi, menjadikan Nabi SAW sebagai *uswah hasanah*, menghormati para ulama sebagai pewaris Nabi serta meletakkan ilmu pada tempat yang terhormat. Malah, manusia diwajibkan menjalankan fardu ain dan fardu kifayah serta mampu menjalankan tugasnya sebagai *Khalifatullah fil-ardh* dengan baik (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 2001: 118-120). Hal ini kerana prinsip amal ihsan penting dalam proses membentuk insan yang memiliki akhlak yang mulia dan terpuji.

#### Hubungan Manusia dengan Allah (*Hablumminallah*)

Hubungan dengan Allah SWT merupakan suatu hubungan berbentuk vertikal yang meletakkan manusia sebagai hamba yang perlu tunduk, patuh dan mentaati setiap perintah-Nya. *Hablumminallah* dimaksudkan sebagai perjanjian dengan Allah. Oleh sebab itu seorang mukmin harus memahami bagaimana hubungan yang seharusnya dibina dengan Allah SWT sebagai Rabb-nya dan Ilah-nya. Perkara yang penting di dalam membina hubungan itu, manusia harus lebih dahulu mengenal Allah. Apabila manusia mengakui kekuasaan dan ilmu Allah, akan timbul rasa kagum dan takut kepada Allah SWT.

Hubungan manusia (mukmin) dan Allah SWT itu ditandai dengan adanya kontrak kerja yang menjadi kewajiban manusia, iaitu amal salih. Manusia terikat dan terlibat dalam amal yang bersifat umum (ibadah) mahupun amal khusus (dakwah). Amal tersebut bukan sahaja untuk dirinya sendiri tetapi juga untuk mengajak orang lain untuk beribadah. Di dalam al-Quran, Allah SWT mengibaratkan hubungan manusia (mukmin) dan Allah SWT itu adalah seperti hubungan tjarah (jual beli) yang akan menyelamatkan orang-orang mukmin dari azab api neraka. Jual beli itu berupa keimanan kepada Allah SWT dan berjihad di jalan Allah SWT dengan harta dan jiwa. Selain itu Allah SWT juga mengibaratkan amal salih seorang mukmin sebagai pinjaman yang diberikan kepada Allah SWT. Hakikatnya, semua yang berada di bumi hanyalah pinjaman daripada-Nya dan manusia telah diamanahkan supaya menjaga harta ini sebaik-baiknya. Allah SWT telah menyediakan ganjaran yang berlipat ganda kepada umat-Nya yang mentadbir bumi ini dengan baik. Oleh itu, untuk bergelar insan adabi, seseorang insan perlu mengamalkan sifat-sifat mahmudah seperti tawaduk, berani berjihad, bersyukur, ilmu agama yang tinggi, ikhlas,



menasihati dan pemurah dalam menjalin hubungan dengan Allah SWT. Semua sifat ini dapat dilihat dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain*.

### **Tawaduk**

Tawaduk secara bahasa membawa maksud merendah hati. Secara istilah tawaduk adalah sikap merendahkan hati, baik di hadapan Allah SWT mahupun sesama manusia. Sifat tawaduk adalah satu sifat yang mulia, seseorang Muslim yang mempunyai sifat ini akan mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah SWT. Seorang Muslim yang berakhlak mulia tidak akan bersifat takbur serta membesarkan diri supaya di pandang tinggi oleh orang lain. Firman Allah SWT:

“Negeri akhirat itu kami jadikan untuk orang yang tidak ingin menyombongkan diri dan berbuat kerusakan di muka bumi dan (kesudahan yang baik) itu adalah bagi orang bertakwa.”

(Surah al-Qasas: 83)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT memberi peringatan bahawa tiada kehidupan yang baik bagi orang yang sombong dan takbur di akhirat kelak melainkan hamba-Nya yang bertakwa sahaja. Orang yang angkuh dan sombong tidak di sukai oleh Allah SWT. Hikayat ini banyak menyerlahkan sifat tawaduk yang dimiliki oleh Raja Iskandar Zulkarnain. Walaupun Raja Iskandar merupakan seorang penakluk dan pemimpin yang disegani di seluruh dunia, namun Raja Iskandar tidak sombong dan tidak pernah lupa dan lalai untuk membuat ibadah kepada Allah SWT. Raja Iskandar menyedari bahawa kebesaran pangkat yang dimiliki olehnya dianggap sebagai anugerah yang bersifat sementara di dunia. Justeru itu, Raja Iskandar Zulkarnain sentiasa melakukan sujud kepada Allah apabila mendapat sesuatu kejayaan. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

Maka turun Raja Iskandar dari atas kudanya. Maka sujud ia akan Allah Taala, kepalanya ke tanah. Maka kata Nabi Khidir, “Hai raja, jikalau atas beberapa sekalipun kita sujud akan Allah Taala, nescaya sempurna juga. Syukur kita akan kurnia-Nya.”

(Khalid, 2013: 184)

Melalui petikan berikut jelas menunjukkan sikap Raja Iskandar yang tidak lupa untuk melakukan sujud kepada Allah apabila memperoleh sesuatu kejayaan kerana berkat doa mereka Allah SWT telah membantu hambanya yang berada dalam kesusahan. Perlakuan Raja Iskandar merupakan teladan yang baik kepada pemimpin yang lain supaya sentiasa bersikap tawaduk walaupun dikurniakan pangkat dan darjat kerana Allah SWT sukakan hamba yang sentiasa merendah diri dan sujud kepada-Nya. Sikap tawaduk yang ditunjukkan oleh Iskandar Zulkarnain selaras dengan prinsip amal ihsan yang dikemukakan kerana amal ihsan merupakan tahap tertinggi sebelum seseorang itu layak digelar sebagai insan adabi.

### **Berani Berjihad**

Jihad merupakan salah satu sifat mahmudah yang terkandung dalam amal ihsan. Jihad merupakan sebahagian daripada syariah Islam. Dari sudut bahasa, jihad berasal daripada perkataan al-Juhd yang bermaksud keberatan dan kesusahan. Menurut istilah syarak, jihad ialah usaha seorang Muslim mengerah segala daya dan tenaga untuk mencapai kemenangan Islam kerana mencari keredaan Allah SWT.

Oleh itu, dalam Islam jihad ialah perjuangan yang bersungguh-sungguh untuk menegakkan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan membasmi perkara-

perkara larangan-Nya sekalipun dengan mengorbankan hak-hak kepentingan diri sendiri. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan sebenar-benar jihad. Dia (Allah) telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu Din (agama) suatu kesempitan. (Ikutilah) Millah (Din) orang tua kamu Ibrahim.

(Surah al-Hajj: 78)

Seseorang yang ingin mencapai tahap insan adabi perlu mempunyai keberanian dan kesanggupan untuk berjihad. Matlamat utama jihad ialah di sabilillah iaitu semata-mata kerana Allah SWT untuk mendapat keredaan, keampunan dan rahmat-Nya. Salah satu cabang dalam berjihad ialah melalui peperangan di jalan Allah SWT (Muhd Norizam, 2012: 163). *Hikayat Iskandar Zulkarnain* turut memaparkan tentang keberanian jihad seorang pemimpin iaitu Raja Iskandar Zulkarnain. Menerusi hikayat ini, kepahlawanan Raja Iskandar Zulkarnain terserlah apabila baginda berjihad dalam memperjuangkan agama Allah SWT. Pengembaraan Raja Iskandar dari pelbagai negeri adalah untuk menyebarkan agama Islam serta menghapuskan agama kafir seperti berikut:

“Adapun Raja Iskandar hasadnya hendak menjalani bumi Allah, akan menyuruh orang berbuat ibadat akan Allah Taala dan membinasakan berhala. Sesungguhnya, datang ia mengunjungi hamba Allah ke negeri Konstantaniah.

(Khalid, 2013: 74)

Semangat jihad yang ditunjukkan oleh Raja Iskandar bertitik tolak dari ketakwaannya kepada Allah SWT. Raja Iskandar bersama rombongannya menjelajah negeri-negeri yang menganut agama kafir serta menyembah berhala. Kedatangan Raja Iskandar ke negeri-negeri tersebut adalah untuk membebaskan golongan kafir yang sesat serta mengislamkan raja dan masyarakat di sana supaya memeluk agama Islam. Hal ini demikian kerana agama Islam merupakan agama yang benar. Sifat jihad pada jalan Allah SWT yang ditonjolkan menerusi Raja Iskandar wajar diteladani dalam usaha menanam sifat amal ihsan yang dapat membentuk insan adabi.

### **Syukur**

Menurut Imam al-Ghazali, syukur merupakan salah satu makam (darjat) yang paling tinggi dari sabar, khauf (takut) kepada Allah SWT. Kesyukuran itu merupakan makam yang mulia dan pangkat yang tinggi sebagaimana firman Allah SWT:

“Dan bersyukurlah nikmat Allah, jika kamu memang hanya menyembah kepada-Nya sahaja.”

(Surah al-Nahl:114)

Nikmat yang diberikan Allah SWT kepada manusia sangat banyak dan dalam pelbagai bentuk. Bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat yang diberikan-Nya merupakan kewajiban bagi seorang manusia. Apabila manusia bersyukur atas rezeki dan nikmat yang diperoleh, Allah akan menambahkan lagi rezeki kepada hambanya dalam pelbagai bentuk. Menerusi *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, amalan bersyukur ini diamalkan oleh Raja Iskandar. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

Maka dibawa merekalah hidangan itu. Maka ujar Nabi Khidir akan Raja Iskandar, “Pada malam ini, kita rasailah perjamuan jin.” Maka sabda raja, “Syukurlah akan Allah Taala, menganugerahi akan nikmatnya kepada kita.” Maka santaplah Raja Iskandar bersama-sama dengan Nabi Khidir dan makanlah segala jemain itu terlalu banyak cita rasa makanannya itu.

(Khalid, 2013: 204)

Situasi ini berlaku pada Raja Iskandar kerana apabila beroleh sesuatu perkara, Raja Iskandar akan mengucapkan syukur kepada Allah. Sikap Raja Iskandar wajar dicontohi oleh para pemimpin lain kerana sentiasa bersyukur dengan rezeki yang dikurniakan oleh Allah. Allah sukakan hamba yang sentiasa mengucapkan syukur dengan rezeki yang dilimpahkan kepada hamba-Nya. Misalnya sewaktu Raja Iskandar dan Nabi Khidir berjumpa dengan jin. Mereka dihidangkan dengan pelbagai jenis makanan oleh jin tersebut. Walau bagaimanapun Raja Iskandar tidak menolak rezeki tersebut malah bersyukur atas rezeki yang dikurniakan oleh Allah.

Untuk mendapatkan keredaan Allah dalam kehidupan, manusia perlu menjaga hubungan dengan Allah. Allah SWT mencipta manusia supaya menyembah dan mengabdikan diri kepada-Nya. Oleh itu, manusia harus beribadah kepada Allah dan pada masa yang sama menjauhi segala bentuk perkara yang bertentangan dengan larangan Allah. *Hikayat Iskandar Zulkarnain* banyak memaparkan konsep mengenai menjaga hubungan dengan Allah. Raja Iskandar Zulkarnain turut mengamalkan sifat-sifat mahmudah seperti tawaduk, berani berjihad dan bersyukur dalam menjalin hubungan dengan Allah. Kesemua sifat yang ditunjukkan oleh Raja Iskandar Zulkarnain menyerlahkan keperibadiannya sebagai insan adabi bersesuaian dengan prinsip amal ihsan.

### **Ketinggian Ilmu Agama**

Ilmu merupakan salah satu prinsip pendekatan adab. Ilmu menduduki darjat yang tertinggi kerana orang yang berilmu sentiasa dimuliakan oleh Allah SWT. Oleh itu, sebagai umat Islam, haruslah mempertingkatkan diri dengan ilmu kerana adanya ilmu, martabat diri seseorang diangkat pada kedudukan tertinggi. Seseorang yang mempunyai ilmu secara tidak langsung menyerlahkan kebijaksanaan dirinya. Kebijaksanaan dalam melakukan sesuatu tindakan akan mewujudkan sifat adil dalam diri seseorang. Dalam hikayat ini, Raja Iskandar bukan sahaja memiliki kekuasaan dan pangkat, malah Raja Iskandar turut mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang ilmu agama. Malah, Raja Iskandar telah mempelajari ilmu agama dengan lebih mendalam bersama Nabi Khidir. Tindakan Raja Iskandar untuk mendalami ilmu agama wajar dipuji kerana Raja Iskandar ingin menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat:

Kata sahibul hikayat, setelah Raja Iskandar beriktikadnya, maka bersamalah Nabi Khidir dengan dia empat puluh hari mengajar akan dia segala ilmu seperti ada agama Nabi Ibrahim. Maka hendaklah memohon pada Raja Iskandar hendak bercerai dengan Nabi Khidir itu. Hanyalah hingga Raja Iskandar memahami dia. Maka turun wahi kepada Nabi Khidir, menyuruhkan bersama-sama dengan Raja Iskandar dan menceritai dia pada barang pekerjaan yang dijadikan Allah akan Nabi Khidir akan sebab menghasilkan segala pekerjaan.

(Khalid, 2013: 68)

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan kesediaan Raja Iskandar untuk menuntut ilmu agama yang betul. Malah, Raja Iskandar bersungguh-sungguh untuk mendalami ilmu agama Nabi Ibrahim bersama Nabi Khidir. Raja Iskandar yakin dengan agama Islam yang dipelajari dari Nabi Khidir dan bersedia untuk menyebarkan agama Islam ke serata dunia. Allah SWT menyukai insan yang menegakkan agama Islam.

### **Hubungan Manusia Sesama Manusia (*Hablumminannas*)**

*Hablumminannas* merupakan salah satu kewajiban bagi setiap Muslim. *Hablumminannas* dimaksudkan sebagai hubungan antara manusia dengan manusia. Apabila seseorang manusia itu memperbaiki hubungannya dengan Allah, nescaya Allah akan memperbaiki hubungannya sesama manusia. Malah di dalam al-Quran telah dinyatakan dengan jelas mengenai kepentingan *hablumminannas* yang wajar diikuti oleh seorang manusia seperti mendahulukan kepentingan orang lain, berbuat baik adalah sesama manusia, menyempurnakan takaran (ukuran, sukatan) dan timbangan, tidak merugikan orang lain, memberikan sebahagian rezeki kepada orang lain (zakat dan derma) serta saling tolong-menolong dan kasih sayang. Dalam konteks menjalin perhubungan baik antara sesama manusia, Allah SWT berfirman:

“Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kalian daripada seorang lelaki dan seorang perempuan (Adam dan Hawa), dan Kami jadikan kalian berbagai bangsa dan suku agar kalian saling kenal-mengenal (antara satu sama lain)”.

Islam memperuntukkan peraturan atau undang-undang dalam sistem kehidupan sosial yang adil dan harmoni yang disebut sebagai *Syari'at Islamiyyah*. Semua perkara dalam hal ini terkandung dalam al-Quran dan al-Hadis. Semuanya adalah untuk kebaikan, kebajikan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat. Untuk kesejahteraan ummah, Islam menganjurkan penganutnya agar saling menjalin kasih sayang (mahabbah), hormat-menghormati, bekerjasama, bertimbang rasa, tolong-menolong, nasihat-menasihati dan bersangka baik antara satu sama lain. Islam menekankan agar manusia melakukan perbuatan yang akan menyenangkan hati dan membahagiakan kehidupan manusia yang lain.

Sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi, manusia bertanggungjawab menunaikan amanah Allah untuk melestarikan alam dan menjalin hubungan baik sesama manusia serta makhluk lainnya. Justeru manusia harus mempunyai kemampuan dan keupayaan untuk mengurus, mentadbir dan memahami tabii alam semesta ini. Untuk menjalin hubungan sesama manusia hendaklah berpaksikan kepada prinsip-prinsip keadilan, saling menghormati dan memberi manfaat kepada orang lain. Rasulullah SAW berkata “Orang yang terbaik di antara kamu adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain”. Oleh itu, manusia harus mengaplikasikan prinsip *hablumminannas* dalam kehidupan seharian kerana Allah memberi ganjaran kepada umat-Nya yang menjalin hubungan dengan manusia lain. Rasulullah SAW telah bersabda:

“Mukmin dengan mukmin itu umpama bangunan, sebahagiannya saling berkaitan dengan bahagian yang lain”; dan “Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri”.

Untuk mengekalkan perpaduan ummah, Islam melarang sebarang perbuatan yang merupakan penindasan, penipuan atau penganiayaan antara satu sama lain, seperti rasuah, menabur fitnah, makan riba dan makan harta anak yatim. Oleh itu, manusia yang beriman akan mengamalkan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan seharian. Antara sifat-sifat mahmudah yang harus dimiliki oleh seorang insan dalam menjalin hubungan sesama manusia adalah seperti adil, pemurah, amanah dan hormat-menghormati. Semua sifat ini dapat dilihat dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain*.

### **Adil**

Raja Iskandar Zulkarnain terkenal sebagai seorang pemimpin yang hebat serta memiliki sifat adil dalam dirinya. Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempat yang benar dan tepat. Justeru, Islam menganjurkan umatnya melaksanakan keadilan dalam setiap aspek kehidupan mereka. Tambahan pula, perintah itu datang seiringan dengan sifat Allah sendiri yang Maha Adil dan mengharamkan Zat-Nya daripada melakukan kezaliman. Misalnya, dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* banyak mengandungi kisah keadilan raja. Raja Iskandar telah melantik Naqfanus untuk menjaga makan dan minumannya. Namun, kerana terpengaruh dengan bisikan syaitan, Naqfanus telah bertindak untuk meletakkan racun pada makanan raja. Raja Iskandar telah menyedari bahawa makanannya mengandungi racun dan telah memanggil Naqfanus untuk bertanyakan mengenai hal tersebut. Naqfanus mengaku bahawa tiada orang lain yang menyentuh makanan tersebut kecuali dirinya sendiri. Raja Iskandar menaruh syak bahawa Naqfanus yang melakukan perbuatan tersebut tetapi Raja Iskandar tidak terus menjatuhkan hukuman. Raja Iskandar telah pergi berjumpa dengan Nabi Khidir untuk menyiasat perkara tersebut terlebih dahulu sebelum menjatuhkan hukuman. Akhirnya Naqfanus telah mengaku bersalah atas cubaan untuk membunuh Raja Iskandar. Peristiwa tersebut dapat dilihat melalui petikan berikut:

Maka sabda Raja Iskandar, “Ya, Nabi Allah, apa bicara tuan hamba akan dia?” Maka ujar Nabi Khidir, “Bahawa ialah sekalian daripada kaum yang tiada harus diampuni dosanya,” Maka Raja Iskandar menyuruh makan racun itu dalam makanannya yang bernama sega baja itu. Maka dengan sesaat juga, ia mati. Maka Iskandar menyuruh dia dedahkan di hadapan orang banyak supaya jangan orang lain mengerjakan seperti pekerjaan itu.

(Khalid, 2013: 73)

Raja Iskandar telah menunjukkan teladan seorang pemimpin yang adil. Baginda telah menyiasat dahulu kejadian yang berlaku dan tidak bersikap terburu-buru dalam menjatuhkan hukuman. Malah, Raja Iskandar telah berbincang dengan Nabi Khidir untuk menyiasat perkara sebenar. Setelah Nabi Khidir menyiasat dan mendapati bahawa Naqfanus bersalah barulah Raja Iskandar menjatuhkan hukuman kerana perbuatan Naqfanus adalah satu perbuatan yang kejam dan tidak diampunkan dosanya. Sifat adil dituntut dalam agama Islam dan sebagai seorang pemimpin harus mengamalkan keadilan dalam membuat sebarang keputusan kerana keadilan pemimpin akhirnya akan dinilai oleh Allah SWT. Sifat adil Raja Iskandar telah menyerlahkan amal ihsannya dalam membentuk insan adabi.

### **Amanah**

Sifat amanah adalah sifat mulia yang adalah dituntut dalam Islam. Oleh itu, seseorang mukmin perlu memastikan sifat amanah ada pada diri mereka. Sifat amanah adalah antara sifat yang dituntut oleh Islam iaitu pada setiap orang sama ada orang bawahan atau orang atasan. Sifat amanah juga harus ada dalam keperibadian setiap individu supaya terjalin hubungan sesama masyarakat yang dapat mewujudkan suasana harmoni dalam kehidupan. Dengan memiliki sikap yang amanah akan terjalin sikap saling percaya, berfikiran positif, jujur dan keterbukaan minda yang pada akhirnya akan terbentuk model masyarakat aman, damai dan sejahtera. Misalnya dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, sifat amanah ditonjolkan dalam watak Raja Iskandar:

Setelah sampai kepada Raja Iskandar, maka kata Raja Iskandar kepada Nabi Khidir, “Hai Abbas, janganlah harta ini dimasukkan ke dalam perbendaharaan, baik harta ini disembunyikan akan belanja segala hulubalang yang berjalan serta itu.”

(Khalid, 2013: 141)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa Raja Iskandar tidak mahu harta yang diperoleh itu di masukkan dalam perbendaharaan kerajaan. Raja Iskandar tidak mementingkan diri kerana sentiasa bersikap amanah dalam menolong rakyatnya. Malah, harta yang diperoleh akan digunakan untuk perbelanjaan semua hulubalang. Sifat amanah yang dimiliki oleh Raja Iskandar ternyata jelas terpancar melalui amal ihsan yang ditonjolkan oleh pengarang. Oleh itu, setiap pemimpin wajar mencontohi Raja Iskandar supaya mengamalkan sifat amanah di dalam pemerintahan supaya rakyat tidak ditindas dan kebajikan mereka terbelah.

### **Pemurah**

Sifat pemurah adalah sifat mahmudah yang sangat dituntut oleh Islam. Pepatah ada mengatakan “tangan yang di atas lebih baik daripada tangan di bawah”. Seorang Muslim mestilah bersifat pemurah, sanggup berkorban jiwa dan harta bendanya pada jalan Allah. Setiap rezeki yang dimiliki oleh seseorang insan hanyalah pinjaman daripada Allah SWT untuk diurus sebaik-baiknya. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

“Orang yang pemurah itu dekat dengan Allah, dekat dengan manusia dan jauh daripada api neraka. Orang yang kedekut itu jauh daripada Allah, jauh daripada manusia dan dekat dengan neraka. Sesungguhnya orang yang bodoh tetapi pemurah itu lebih disayangi Allah daripada seorang abid yang bakhil”.

(Hadis Riwayat Tarmizi)

Sukakan harta (*hubbul Mal*) merupakan fitrah semula jadi manusia sebagai alat bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Namun untuk mencapai kebahagiaan itu, seorang insan itu harus memberi sumbangan dan sedekah kepada orang yang memerlukan bantuan. Harta yang dimiliki hanyalah pinjaman daripada Allah dan sekiranya harta tersebut tidak dibelanjakan dengan baik Allah akan menarik balik harta tersebut. Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang pemurah dan prihatin terhadap kebajikan rakyat dan negerinya. Sifat pemurah Raja Iskandar terbukti apabila beliau telah menghadihkan persalinan kepada Sandabaz yang telah memeluk agama Islam:

Setelah sudah ia mengucap syahadat, maka Raja Iskandar pun menganugerahi persalinan daripada sundusin wa istabruk akan dia dan disuruh raja kembali kepada kaumnya. Syahdan sabda Raja Iskandar akan dia, “Beritahu kepada rajamu, bahawa utusan aku pun nescaya kusuruhkan jua dari belakangmu ini.”

(Khalid, 2013: 245)

Persalinan yang diberikan oleh Raja Iskandar menunjukkan bahawa raja menghargai kesudian Sandabaz untuk memeluk agama Islam. Selepas menghadihkan persalinan tersebut, Raja Iskandar telah meminta Sandabaz pulang ke negerinya dan menyampaikan utusan kepada rajanya. Sifat pemurah yang dimiliki oleh Raja Iskandar wajar dicontohi kerana pemimpin yang baik adalah pemimpin yang tidak lokek untuk memberi bantuan kepada orang bawahannya. Pemimpin yang pemurah akan sentiasa mendapat sokongan daripada rakyat dalam apa jua keadaan sekalipun. Tambahan pula, sifat pemurah merupakan salah satu daripada amal ihsan yang turut dituntut dalam agama Islam kerana merupakan satu amalan mulia.

## Sedekah

Sedekah berasal daripada perkataan bahasa Arab *shadaqoh* yang bererti suatu pemberian yang diberikan oleh seorang Muslim kepada orang lain secara spontan dan sukarela tanpa dibatasi oleh waktu dan jumlah tertentu. Di dalam al-Quran banyak sekali ayat yang menganjurkan kaum Muslimin untuk sentiasa memberikan sedekah. Firman Allah SWT:

Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat makruf atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barang siapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaaan Allah, maka kelak Kami akan memberi kepadanya pahala yang besar.

(Surah an-Nisa: 114)

Bersedekah dalam Islam bukan sekadar memberi wang ringgit kepada mereka yang memerlukan. Konsep bersedekah dalam Islam adalah luas, membabitkan perkara yang membawa kebaikan sama ada dalam bentuk kerohanian mahupun fizikal. Setiap orang yang berbuat kebajikan nescaya diberkati Allah dengan dikurniakan kesejahteraan hidup dan mendapat rahmat-Nya. Dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* memaparkan tentang kemuliaan sikap Raja Iskandar yang suka bersedekah. Setiap hari Raja Iskandar akan memberi sedekah kepada golongan fakir yang ditemuinya:

Syahadan, matanya sebagai juga melihat kepada Raja Iskandar. Raja Iskandar pun memberi sedekah akan mereka itu. Hatta, maka Raja Iskandar pun melihat juga pada orang yang menyata dia itu.

(Khalid, 2013: 337)

Walaupun Raja Iskandar merupakan seorang pemimpin yang berkuasa dan berpengaruh, Raja Iskandar tidak kedekut untuk memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan khususnya fakir miskin. Sifat inilah yang wajar dicontohi oleh semua pemimpin kerana dengan bersedekah Allah memudahkan segala urusan dan mendapat ganjaran pahala. Sifat mulia Raja Iskandar ini turut dilihat oleh orang suruhan menteri Raja Mesir yang menyamar sebagai seorang fakir.

Melalui *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, diterapkan pada watak Raja Iskandar mengenai kepentingan menjaga hubungan sesama manusia. Selain menjaga hubungannya dengan Allah, Raja Iskandar turut menjaga hubungannya dengan manusia lain dalam kehidupan seharian. Antara sifat-sifat mahmudah yang harus dimiliki oleh seorang insan dalam menjalin hubungan sesama manusia adalah seperti adil, pemurah, amanah, hormat-menghormati dan sebagainya. Walaupun dikurniakan harta dan pangkat, Raja Iskandar tidak pernah sombong dan memandang rendah terhadap orang lain. Selain itu, Raja Iskandar turut mengambil berat mengenai kebajikan masyarakat dan membantu golongan yang memerlukan bantuannya. Segala tingkah laku yang ditunjukkan oleh Raja Iskandar menunjukkan bahawa beliau sangat menitikberatkan hubungan sesama insan lain.

## KESIMPULAN

Amal ihsan menjadi pelengkap dalam pembentukan insan adabi. Untuk mencapai ke tahap itu, seorang insan harus mencapai setiap tahap yang ditetapkan iaitu melalui ilmu, kebijaksanaan, keadilan dan amal ihsan. Amal ihsan penting untuk melahirkan seseorang insan yang memiliki sifat-sifat terpuji dalam dirinya dengan niat melakukan kebaikan kerana Allah SWT Melalui prinsip amal ihsan, akan terlahirlah sifat insan yang memiliki sikap pemurah, adil, bersyukur, berani berjihad dan lain-lain. Justeru itu, amal ihsan menjadi kemuncak kesempurnaan ibadah

dan kemuliaan akhlak untuk mendapatkan keberkatan daripada Allah SWT Selain itu, insan adabi harus mengamalkan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) dalam hubungannya dengan Pencipta dan sesama makhluk lainnya.

Amal ihsan juga saling berkait rapat dengan akhlak dan budi dalam kehidupan seseorang manusia. Amal ihsan turut melahirkan sifat-sifat terpuji dalam merealisasikan hubungan dengan Allah SWT (*hablumminallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*). Hubungan berbentuk vertikal dan horizontal ini perlu wujud serentak dan tidak boleh dipisahkan dalam diri setiap insan adabi. *Hablumminallah* mahupun *hablumminannas* adalah dua aspek yang tidak dapat dipisahkan. Kedua-dua hubungan tersebut sama penting dan harus berjalan seimbang. Oleh itu, untuk bergelar insan adabi seseorang itu harus menjaga hubungannya dengan Allah serta hubungannya sesama manusia. Manusia yang menjaga kedua-dua hubungan ini akan mendapat ketenangan di dunia dan mendapat nikmat syurga di akhirat.

*Hikayat Iskandar Zulkarnain* banyak memaparkan mengenai prinsip amal ihsan yang disampaikan melalui watak Raja Iskandar Zulkarnain. Raja Iskandar dilihat mengamalkan prinsip adab iaitu ilmu, bijaksana, adil dan amal ihsan dalam kehidupan seharian. Raja Iskandar dijadikan sebagai ikon dalam pembentukan diri sebagai insan adabi kerana menepati keempat-empat prinsip tersebut. Menerusi kualiti diri yang ada padanya telah membawa manfaat dan faedah kepada orang di sekelilingnya. Raja Iskandar dilihat telah melakukan kebaikan dengan melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan baik. Sifat-sifat terpuji yang ditonjolkan oleh Raja Iskandar telah membawa satu perubahan yang baik demi kesejahteraan kepada rakyat dan negaranya.

Selain itu, Raja Iskandar turut menjaga hubungan dengan Allah (*hablumminallah*) dan menjaga hubungannya sesama manusia (*hablumminannas*). Hal ini jelas menunjukkan bahawa Raja Iskandar merupakan pemimpin yang disegani dan dihormati oleh seluruh negara. Akhlak yang dimiliki oleh Raja Iskandar telah melayakkan beliau digelar sebagai insan adabi kerana menepati prinsip-prinsip pendekatan adab yang telah digariskan.

## RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. 1958. *Sejarah kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazali. 1988. *Ihya Ulumuddin: Jiwa agama*. Kuala Lumpur: Victory Agensi.
- Braginsky, V.I. 1994. *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. 2006. *Kesusasteraan Melayu tradisional* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Maskawayh. 1966. *Tahzib al-Akhlaq*. Beirut: American University of Beirut.
- Ismail Hamid dan Wahyunah Abd. Gani. 2002. *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-Tokoh Islam dalam kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid M. Hussain (pngr.) 2013. *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Norizam Jamian. 2012. *Kesusasteraan Melayu tradisional dari perspektif adab: suatu perbincangan pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Tesis Sarjana Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Haji Daud. 1995. *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (ed.). (2004). *Epik Melayu: Suatu kajian naskhah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd Saman & Shaiful Bahri Md Radzi (ed.). 2005. *Persuratan Melayu: Tradisional ke moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. 1996. Sastera Islam dalam peradaban ummah. Dalam *Simposium Serantau Sastera Islam*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Salleh. 2002. *Kesusasteraan Melayu abad kesembilan belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1990. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1997. *Islam: Faham agama dan asas akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2001. *Risalah untuk kaum muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2002. *Makna kebahagiaan dan pengalamannya dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran*. 1982. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali & Salinah Ja'afar. 2012. Pemeraksanaan modal insan: Pembentukan sikap dan akhlak Islamiah dalam novel. *Jurnal Melayu* (9): 55-73.
- Teuku Iskandar. 1995. *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Suatu huraian konsep asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'ai. 2012. Pantun dan ungkapan Melayu sebagai wahana kepimpinan Melayu ke arah pembangunan modal insan. *Jurnal Melayu* (9): 155-170.

**Biodata Penulis:**

**Nor Asma Ab Aziz**

Penulis merupakan pelajar Sarjana di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional.

**Muhd Norizam Jamian**

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional.